



جابتن حال إحوال إكعام إسلام قولوا قينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**REJAB, PERSIAPAN HATI  
MENUJU RAMADAN**



Tarikh Bacaan:  
**19 DISEMBER 2025M / 28 JAMADIL AKHIR 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa***  
***Panel Semakan Teks Khutbah***  
***Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Rejab, Persiapan Hati Menuju Ramadan

19 Disember 2025M/ 28 Jamadilakhir 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ... ﴿٣٦﴾ سورة التوبة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Di atas mimbar pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib menyeru sidang jemaah agar sentiasa berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa. Semoga segala urusan kehidupan kita sentiasa dipandu oleh petunjuk Ilahi serta memperolehi keberkatan dan Rahmat-Nya yang berpanjangan.

Sebelum khatib meneruskan bicara, mohon sidang jemaah sekalian memberikan sepenuh tumpuan kepada khutbah pada hari ini. Janganlah bersempang, bermain telefon bimbit, mengulit media sosial dan sebagainya. Khutbah pada minggu ini bertajuk: **Rejab, Persiapan Hati Menuju Ramadan.**



## SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Kini kita sedang melangkah ke bulan Rejab, salah satu daripada empat bulan haram yang dimuliakan. Empat bulan tersebut ialah Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab. Pada bulan-bulan ini kita diperintah agar menjauhi kezaliman dan memperbanyakkan amal soleh.

Menurut Ibnu Abbas yang dinukilkan oleh Ibnu Kathir dalam kitab tafsirnya, bulan-bulan haram bermaksud bulan yang suci. Melakukan maksiat pada bulan-bulan ini dosanya lebih besar daripada bulan-bulan yang lain dan amal soleh yang dilakukan mendapat pahala yang lebih banyak.

## SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Kita sering dikejutkan dengan kes pembunuhan dan kekejaman yang bukan sahaja berlaku di luar negara, bahkan di tanah air kita. Puncanya sering bermula daripada hati yang gelap, lemahnya iman, hasad dengki dan gagal mengawal kemarahan. Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا يَزَالُ الْمُؤْمِنُ فِي فُسْحَةٍ مِنْ دِينِهِ مَا لَمْ يُصِبْ دَمًا حَرَامًا

Maksudnya: "Seorang mukmin masih dalam kelapangan agamanya selama dia tidak menumpahkan darah yang haram."

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Dalam kitab suci Al-Quran Al-Karim, Allah ﷻ menegaskan tentang nilai nyawa manusia. Firman-Nya dalam surah al-Maidah ayat 32:

... مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا ... ﴿٣٢﴾

Maksudnya: "...sesiapa yang membunuh seorang manusia tanpa alasan yang membolehkan untuk membunuh orang itu atau bukan kerana dia membuat kerosakan di muka bumi, maka seolah-olahnya dia telah membunuh seluruh manusia..."

Justeru, jauhilah dosa besar, peliharalah maruah insan dan hidupkan semula takwa dalam diri, keluarga serta masyarakat.

Rejab datang untuk menghidupkan hati dan menyedarkan bahawa nyawa dan maruah adalah amanah Allah. Para ulamak menyifatkan Rejab sebagai bulan taubat dan pembersihan jiwa, menahan diri daripada segala bentuk kezaliman, termasuklah kekerasan dalam rumah tangga, hasad, dendam dan rasa kebencian. Jika di hati masih ada marah, benci dan hasad, padamkanlah dengan istighfar, dan zikrullah (ذِكْرُ اللَّهِ) serta sabar dan muhasabah diri.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebelum peristiwa Isra' dan Mikraj, baginda Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ telah melalui tahun kesedihan ('amul huzni) (عَامُ الْحُزْنِ) iaitu kehilangan isteri dan kekasih hati baginda yang tercinta, Saidatina Khadijah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا dan bapa saudaranya, Abu Talib. Beberapa bulan setelah itu, Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى mengangkat baginda sebagai Rasulullah dalam sebuah perjalanan agung iaitu peristiwa Isra' dan Mikraj. Di sana, baginda Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ menerima perintah agar mendirikan solat. Ibadah solat

merupakan lambang hubungan langsung di antara hamba dengan Allah, Tuhan Yang Maha Pencipta.

Peristiwa ini mengingatkan kita bahawa solat adalah ukuran iman. Jika solat kita masih lalai, Rejab inilah masanya untuk memperbetulkannya. Jika kita masih leka dengan dosa, Rejab inilah masanya untuk kembali kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya. Allah berfirman dalam surah as-Sajadah ayat 16:

تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: *“Mereka menjauhkan diri mereka daripada tempat tidur (sedikit sangat tidur kerana menunaikan solat tahajud dan amalan soleh), mereka berdoa kepada Tuhan dengan rasa takut (akan kemurkaan-Nya) dan ingin memperoleh (keredaan-Nya) dan mereka membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka.”*

Sebagai umat Islam, kita perlu mengambil iktibar daripada sabda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ

Maksudnya: *“Sedekat-dekatnya hamba dengan Tuhannya ialah ketika dia sujud”*.  
(Hadis Riwayat Muslim)

Ini adalah jiwa orang beriman. Hatinya tenang dengan bersujud kepada Allah dan damai dengan sentiasa mengingati-Nya. Hati yang dekat dengan Allah tidak mudah dikuasai oleh rasa amarah (أَمَارَةٌ). Berdoalah agar dendam diganti kemaafan, kebencian disirami kasih sayang.

## SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Rejab bukan sekadar bulan dalam kalendar, ia mengetuk pintu hati kita agar menyedari bahawa Ramadan kian hampir. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam surah al-Hasyr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ... ﴿١٨﴾

Maksudnya: *“Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah setiap jiwa memerhati apa yang disediakan-Nya untuk hari esok.”*

Doa masyhur yang diamalkan ulamak ketika memasuki bulan Rejab:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Maksudnya: *“Ya Allah, berkati kami pada bulan Rejab dan bulan Syaaban dan sampaikan kami ke bulan Ramadan.”*

## PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Marilah kita mengambil tiga pengajaran penting daripada kehadiran bulan Rejab, iaitu:

**Pertama:** Perbanyakkan amal soleh dan jauhi maksiat kerana bulan Rejab adalah bulan yang dimuliakan.

**Kedua:** Bersiaplah secara rohani dan jasmani untuk menyambut kedatangan Ramadan yang bakal tiba.

**Ketiga:** Bulan Rejab mendidik kita untuk kembali kepada nilai kemanusiaan dan kasih sayang.

Bulan Rejab menjadi medan latihan spiritual untuk kita membersihkan hati, memperbanyakkan taubat dan melaksanakan amal soleh sebagai persiapan menyiapkan jiwa untuk menghadapi Ramadan yang penuh rahmat, maghfirah dan pembebasan daripada neraka.

Semoga Allah memberi keberkatan kepada kita dalam bulan yang mulia ini, mengampuni dosa-dosa kita dan menetapkan hati kita di atas jalan ketaatan hingga ke akhir hayat.

Firman Allah dalam surah asy-Syams ayat 9-10:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۝ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ۝

Maksudnya: “*Sesungguhnya telah berjaya orang yang menyucikan jiwanya (dengan iman dan amalan soleh). Dan sesungguhnya telah rugi orang yang mengotorinya (dengan sebab maksiat)*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa zakat **wajib** diuruskan melalui pihak berautoriti yang ditetapkan oleh *ulil amri* bagi menjamin keadilan serta kemaslahatan umum.

Walaupun secara syarak sah mengagihkan zakat sendiri kepada asnaf yang layak, namun melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah **berdosa** kerana ketaatan kepada ulil amri dalam hal ma'ruf adalah wajib.

Oleh itu, mana-mana individu Islam di Negeri Pulau Pinang yang tidak membayar zakat atau mengagihkannya tanpa kebenaran pihak berkuasa, boleh dikenakan tindakan di bawah **Seksyen 16, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996**.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةً قُولاو فِينِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

**“Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat serta melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam di negeri yang tercinta ini.**

**Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, tanamkanlah rasa percaya kepada pemimpin kami dan jauhkanlah kami daripada fitnah serta perpecahan. Rahmatilah para pemimpin dan pihak berkuasa agama agar sentiasa Engkau bimbing di atas jalan yang benar.”**

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG